

04/06/2002

Pas dilanda sindrom 'Melayu Mudah Lupa'

Veena Rusli

KEDINGINAN suasana di dewan Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik) beransur-ansur menjadi hangat apabila satu demi satu perwakilan Pas melontarkan pelbagai kritikan, teguran dan persoalan ke arah kepimpinan parti ketika sesi perbahasan pada Muktamar Pas ke-48 yang berakhir kelmarin.

Daripada isu Dewan Ulama yang didakwa lebih banyak berdiam daripada bersuara menangkis serangan lawan, mencecah isu Palestin, mutu pemberitaan lidah rasmi Pas, Harakah, yang dianggap agak membosankan, kegusaran terhadap larangan berceramah hingga persiapan menghadapi pilihan raya umum, segala-galanya membuktikan bahawa Pas sebagai pertubuhan politik tidak terlepas memiliki kepincangan yang perlu didedahkan.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, memuji perwakilan yang sebahagian besarnya menampilkan kalangan muda dan profesional kerana berani bersuara menyatakan buah fikiran sekalipun dalam mengetengahkan hakikat yang memeritkan sesetengah pihak.

Begitupun, sebagai veteran dalam arena politik dan arif menelusuri susur-galur perjuangan parti, beliau menerusi ucapan penggulungan sempat mengingatkan ahli parti supaya meletakkan kepentingan adab dan akhlak di tempat tertinggi mengatasi segala-galanya.

Jelas, Fadzil kurang menyenangi kenyataan segelintir ahli terhadap tindakannya berkongsi platform dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada majlis syarahan perdana isu Palestin anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bersama Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), baru-baru ini.

"Ada ahli parti yang mengkritik syarahan perdana seolah-olah kita nak sangat bergambar dengan Perdana Menteri dan anjur supaya kita walk out (meninggalkan majlis). Ini sesuatu yang tidak beradab dan untuk walk out juga adalah tidak berakhlak kerana Rasulullah sendiri sanggup untuk tidak berganjak walaupun mendengar dirinya dicerca.

"Saya pergi malam itu bukan atas diri saya tetapi untuk kepentingan Pas. Ahli parti perlu memberi hak kepada Presiden membuat keputusan di saat ia perlu dibuat segera dan kita ada ketetapan umum bahawa kita bersedia berdepan dengan mana-mana kumpulan termasuk Umno, tertakluk kepada isu.

"Pertemuan itu akan dikenang oleh generasi akan datang dan peranan kita merentasi kepentingan politik berparti, merentasi sentimen politik kepartian," katanya.

Penjelasan itu pastinya bertujuan 'menyejukkan hati' sebahagian penyokong parti kerana terucap rasa kurang senang di kalangan mereka terhadap beberapa kenyataan pimpinan di dada media berhubung pelbagai isu yang dianggap mengguris perasaan ahli akar umbi.

Beralih kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum, perwakilan Kelantan, Nik Mohd Amar Abdullah, tanpa berselindung menegur sikap penggerak parti yang kurang memberi tumpuan terhadap usaha mendekati masyarakat bukan Islam, sehingga timbul rungutan bahawa golongan itu cuma dihipir apabila siren pilihan raya umum sudah berbunyi.

"Usaha kita selama ini ibarat sekadar melepaskan batuk di tangga. Pengundi bukan Islam merungut bahawa Pas cuma mendekati mereka bila dekat pilihan raya untuk mendapat undi dan selepas itu, tiada program untuk menarik sokongan.

"Kepemimpinan negeri perlu lebih bersungguh dalam berfungsi sebagai jurubicara mengenai Islam. Masyarakat bukan Islam melihat Pas hanya

mementingkan kepentingan masyarakat Islam dan Melayu... ini perlu diberi perhatian," katanya.

Lontaran itu pastinya tertumpu kepada Mursyidul Am Pas yang juga Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, dan Timbalan Presiden Pas selaku Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, yang masing-masing mentadbir negeri yang majoriti penduduknya adalah Melayu.

Secara halus, Nik Mohd Amar seakan-akan cuba menyatakan bahawa sindrom 'Melayu Mudah Lupa' mulai menjalari kepemimpinan parti di kedua-dua negeri kerana menganggap sokongan yang diterima selama ini - tiga penggal di Kelantan dan sepenggal di Terengganu - memadai untuk menjadi bekalan usaha mengekalkan pemerintahan.

Pergerakan Pas diakui terjejas sebaik kerajaan menguatkuasakan larangan ceramah di tempat umum, namun program di premis milik parti itu diteruskan, terutama di Kelantan, berikutan kemampuan Putik menampung kira-kira 3,000 hadirin.

Namun, kemudahan itu tidak dinikmati di negeri lain. Perwakilan Johor, Mazlan Aliman, membidas segelintir pimpinan Pas yang dikatakan keberatan berceramah di negeri kelahiran Umno itu lantaran bimbang terlucut status wakil rakyat gara-gara dipenjarakan kerana melanggar undang-undang.

"Sesetengah pemimpin Pas takut datang ceramah ke Johor, mereka tanya permit ada ke tak... memanglah tak ada. Kita di akar umbi duduk dalam lokap, pemimpin pula takut nak datang. Mungkin ada penceramah terlalu elit dan tak mahu turun ke Johor," katanya.

Rengekan itu bagaimanapun terlebih dulu dirasionalkan oleh Nik Mohd Amar yang menyifatkan sekatan sedemikian bukan perkara baru dan tidak harus menjejaskan gerak kerja parti kerana berpendapat masih banyak cara boleh dilaksanakan untuk mendekati masyarakat.

Menyingkap sejarah, bukanlah sesuatu yang menghairankan jika Pas mengaplikasikan apa saja kaedah untuk meraih sokongan masyarakat terbanyak dan terbaru, parti itu disaran supaya menggabungkan pemimpinnya dengan golongan seniman di platform sama sebagai gimik menarik hadirin.

Perwakilan Perak, Zulkarnain Hassan, mengandaikan gabungan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Mohamad Sabu, dengan penyanyi terkenal, Siti Nurhaliza Tarudin, boleh menjadi tarikan untuk program anjuran parti itu dikunjungi ramai.

Sukar ditentukan sama ada Mat Sabu cuba 'disenimankan' atau Siti Nurhaliza yang ingin 'dipolitikkan', namun apa yang jelas cadangan yang disambut dengan gelak tawa hadirin dan laungan takbir 'Allahuakbar' itu seakan-akan membayangkan kesanggupan Pas mengorbankan prinsip demi memperoleh undi.

Menerusi ucapan dasar hampir dua jam bertajuk 'Memantap Iltizam Menyemarakkan Kebangkitan', Fadzil antara lain menggariskan tujuh ciri utama model pemerintahan Islam acuan parti itu menerusi 'Memorandum Negara Islam'.

Begitupun, rangka yang dilihat sebagai jawapan terhadap cabaran Dr Mahathir berhubung bentuk negara Islam mengikut tafsiran Pas itu, pada dasarnya adalah sama dengan apa yang sudah dilaksanakan Malaysia - negara berpaksaan demokrasi dan hak rakyatnya terjamin menerusi keluhuran Perlembagaan.

Mengambil kira reaksi sekutu Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyatakan sokongan sambil berharap ia akan dimasukkan dalam manifesto pilihan raya pakatan pembangkang.

(END)